

Sumber air:

Asean

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

digesa

kerjasama

SERDANG, Khamis — Negera-negara Asean digesa bekerjasama dalam pembangunan dan pengurusan sumber-sumber air bagi menentukan penggunaan air secara maksima di rantau ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Tan Sri Arshad Ayob, berkata kelmarin penggembelingan kepakaran di kalangan negara anggota akan menghasilkan sistem penggunaan yang lebih cekap dan berkesan bagi sumber-sumber yang semakin terhad itu.

Dalam ucapannya di seminar serantau mengenai teknologi air ke arah pembangunan luarbandar di Universiti Pertanian Malaysia di sini, beliau menegaskan langkah itu akan juga memperkukuhkan lagi semangat kerjasama di rantau ini.

Tan Sri Arshad berkata cuaca atau iklim tidak mengenal sempadan politik kerana hujan yang turun di sesebuah negara mungkin mengalir atau masuk ke negara lain sebagai air bawah tanah dan air biasa atau pun melalui sungai dan anak-anak sungai.

Katanya, tanpa usaha-usaha bersama, sumber air itu akan membazir sahaja kerana ia akan mengalir ke laut.

Kira-kira 100 peserta dari negara-negara Asean, Britain, Papua New Guinea dan Australia menghadiri seminar empat hari itu anjuran Fakulti Kejuruteraan Per-

tanian UPM.

Mengenai pembangunan bekalan air ke luar bandar, Tan Sri Arshad berpendapat ia boleh dicapai dengan berkesan melalui pengambilan terus air dari sungai-sungai dan juga secara memajukan sumber-sumber air bawah tanah.

Beliau menjelaskan pembinaan ampangan melibatkan perbelanjaan mahal manakala kolam-kolam air memerlukan kawasan yang luas.

Beliau yakin cara mengepam terus air dari sungai yang mengalir sepanjang tahun lebih berfaedah dan pembangunan air bawah tanah mungkin merupakan sumber perbekalan paling ekonomik dan boleh diharapkan bagi kebanyakan kawasan luar bandar.

Dalam hubungan ini, Jabatan Parit dan Talianair serta Jabatan Kerja Raya memperhebatkan usaha-usaha meneroka dan memajukan air bawah tanah sebagai sebahagian daripada rancangan pembangunan sumber air jangka panjang mereka.

Tan Sri Arshad berkata, setelah menyedari betapa pentingnya air dalam pembangunan negara, kerajaan mentauliahkan satu kajian air kebangsaan selama tiga tahun dalam bulan Oktober 1979.

Kajian itu dijangka akan menyedilakan satu pelan induk yang berpadu, menyeluruh dan seragam kepada kerajaan bagi tujuan memajukan dan menguruskan sumber-sumber air negara.